"Saya percaya terdapat potensi besar untuk syarikat dan pelabur China meneroka peluang di sini kerana ia selari dengan kepentingan ketersambungan serantau dan pembangunan berkualiti tinggi di bawah Inisiatif 'Belt and Road' oleh China.

"Dengan insentif strategik yang kukuh serta lokasi yang baik, Hab Kewangan Khas Forest City di dalam Zon Ekonomi Khas Johor-Singapura (JS-SEZ) telah muncul sebagai antara lokasi pelaburan utama rantau ini," titah baginda yang dikongsikan dalam Facebook Sultan Ibrahim Sultan Iskandar semalam.

Seri Paduka Baginda bertitah demikian ketika berucap pada pertemuan dengan Presiden China, Xi Jinping di Istana Negara semalam sempena lawatan negara ke Malaysia.

Baginda turut berkenan menjemput Kerajaan China untuk mempromosikan pertukaran bahasa antara kedua-dua negara.

"Jumlah pertukaran pelajar antara negara kita telah meningkat dan kita berhasrat untuk



SULTAN IBRAHIM (kiri) bergambar dengan Jinping (tengah) dan Ahwar pada sambutan negara di Istana Negara, Kuala Lumpur semalam.

menghantar lebih ramai lagi penuntut kita ke China untuk bertukar ilmu kebudayaan seiring dengan pembelajaran mereka.

"Saya percaya bahasa adalah jambatan penting dalam mengukuhkan hubungan dua hala. Ke arah ini, saya berhasrat untuk

giat mempromosikan Kursi Pengajian Melayu Sultan Ibrahim di Beijing Foreign Studies University (BFSU)," titah baginda.

Terdahulu, Jinping diberi sambutan negara di Istana Negara pada pagi semalam sempena lawatan negara selama tiga hari bermula kelmarin atas jemputan Yang di-Pertuan Agong.

Sultan Ibrahim berkenan menyambut ketibaan Jinping pada pukul 10.30 pagi.

Sambutan negara turut dihadiri Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim serta Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Ahmad Zahid Hamidi dan Datuk Seri Fadillah Yusof selain menteri-menteri Kabinet lain.

Untuk rekod, China terus menjadi rakan dagang terbesar Malaysia selama 16 tahun berturut-turut dengan jumlah dagangan antara Malaysia dan China bernilai RM484.12 bilion pada tahun 2024.

Kali terakhir Jinping melawat Malaysia adalah pada Oktober 2013 bagi lawatan negara selama tiga hari.

KOSMO

Tarikh: 17 APR 2025

'Kini rumah lebih selamat'

Pemandu teksi bersyukur terima bantuan Rumah Selangorku selama enam bulan

Oleh Tuty Haryanti
Ahmad Rodzi
am@hmetro.com.my

Sepang

17/4

"Syukur alhamdulillah kami berpeluang tinggal di rumah yang lebih selamat sekarang," kata Muhamad Ridzuwan Salehuddin, salah seorang mangsa letupan paip gas di Putra Heights, Subang Jaya, dekat sini.

Pemandu teksi berusia 33 tahun itu berkata, sebelum ini, dia dan isteri, Farihatul Shazwin Azrim, 26, tinggal di rumah bapa mentua di Kampung Tengah.

Namun katanya, polis memaklumkan rumah itu tidak selamat kerana banyak kerosakan termasuk pintu gelangsar (*sliding door*) dan bumbung.

"Apabila kerajaan negeri tawarkan Rumah Selangorku sebagai bantuan rumah sementara, kami terus buat permohonan untuk mendapatkan Pangsapuri Seri Suria, Kota Warisan."

"Bantuan selama enam bulan ini sudah pasti akan meringankan beban kami sekeluarga," katanya selepas Majlis Penyerahan Kunci Rumah Pangsapuri Seri Suria, semalam.

Majlis disempurnakan Exco Perumahan dan Kebudayaan Selangor, Datuk Borhan Aman Shah.

Muhamad Ridzuwan berkata, dia turut berhasrat menyambung sewa di rumah berkenaan kerana sebelum ini memang sudah mempunyai impian memiliki unit Rumah Selangorku.

"Saya berharap permo-



Apabila kerajaan negeri tawarkan Rumah Selangorku sebagai bantuan rumah sementara, kami terus buat permohonan untuk mendapatkan Pangsapuri Seri Suria, Kota Warisan"

Muhamad Ridzuwan
Salehuddin



BORHAN (kiri) berbual dengan Muhamad Ridzuwan dan Farihatul Shazwin ketika Majlis Penyerahan Kunci Penempatan Sementara Kepada mangsa Insiden Letupan Paip Gas Putra Heights di Pangsapuri Seri Suria, Kota Warisan Sepang.
- Gambar NSTP/MOHD FADLI HAMZAH

mempunyai tiga bilik dan dua bilik air," katanya.

Abu Samah berkata, dia berharap rumahnya yang rosak teruk dengan anggaran kerugian sekitar RM30,000 dapat disiapkan dalam tempoh enam bulan.

"Kalau boleh memang hendak duduk semula di kediaman sendiri dan berharap ia dapat disiapkan dalam tempoh berkenaan," katanya.

Sementara itu, Borhan berkata, seramai 75 mangsa kebakaran paip gas di Putra Heights membuat permohonan tawaran Rumah Selangorku.

Katanya, seramai empat mangsa bersetuju tinggal di Pangsapuri Seri Suria manakala bakinya masih dalam proses meneliti tawaran itu.

"Bagi yang rumah rosak

teruk dan memerlukan tempoh lama untuk dibaiki, saya sarankan ambil peluang tawaran Rumah Selangorku ini untuk lebih selesa," katanya.

Beliau turut mengalu-alukan mana-mana pihak yang berhasrat menawarkan bantuan sewa kediaman kepada mangsa Putra Heights tampil bekerjasama dengan kerajaan negeri.

Isnin lalu, kerajaan negeri menerusi Lembaga Perumahan dan Hartanah Selangor (LPSH) menawarkan sebanyak 100 unit kediaman Rumah Selangorku di Pangsapuri Seri Suria berdasarkan konsep siapa cepat dia dapat.

Rumah di Kota Warisan itu adalah kediaman baharu yang sudah dilengkapi dengan kipas dan lampu.

honor menyewa selepas ini juga dapat diluluskan dengan lebih mudah," katanya yang menganggarkan kerugian sekitar RM20,000 dalam tragedi pada 1 April lalu.

Kontraktor, Abu Samah Rahmat, 58, berkata, rumahnya di Kampung Tengah yang didiami sejak 1970-an rosak teruk dan tidak selamat diduduki ketika ini.

Katanya, sementara me-

nunggu tempoh membaiki yang tidak diketahui bila akan siap, dia bersetuju menerima tawaran Rumah Selangorku.

"Saya akan tinggal di Pangsapuri Seri Suria bersama tiga anak dan lokasi ini juga strategik untuk kami sekeluarga ke tempat kerja masing-masing."

"Rumah ini juga selesa bagi kami anak beranak kerana selain berkeluasan 92.9 meter persegi, ia juga

HARIAN METRO

Tarikh: 17 APR 2025

Pesara wanita rugi RM760k diperdaya 'pegawai polis' ^{HM} ^{PH}

Bukit Mertajam: Seorang pesara wanita mendakwa diperdaya sindiket panggilan telefon menyebabkankannya mengalami kerugian wang simpanan berjumlah lebih RM760,000.

Insiden bermula Februari lalu apabila mangsa berusia 73 tahun menerima panggilan telefon daripada seorang individu yang memperkenalkan diri sebagai 'pegawai polis' dari Balai Polis Pahang.

Ketua Polis Daerah Seberang Perai Tengah Asisten Komisioner Helmi Aris berkata, mangsa diberitahu terbahit dalam kes pengubahan wang haram dan beberapa jenayah lain.

"Suspek mendakwa akan membuat tangkapan ke atas mangsa sebelum memaklumkan mahu menyelesaikan dan memadamkan rekod kesalahan wanita berkenaan.

"Mangsa diminta memberikan maklumat perbankan untuk tujuan semakan sebelum dia menerima beberapa mesej OTP (kata laluan sekali guna) diarah oleh suspek untuk membuat pengesahan," katanya dalam kenyataan yang dimuatnaik di Facebook Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Seberang Perai Tengah, semalam.

Katanya, mangsa mula berasa curiga apabila suspek masih menghubunginya pada bulan ini lalu membuat semakan ke atas penyata akaun bank miliknya.

"Mangsa terkejut sele-



Mangsa diminta memberikan maklumat perbankan untuk tujuan semakan sebelum dia menerima beberapa mesej OTP (kata laluan sekali guna) diarah oleh suspek untuk membuat pengesahan"

Helmi Aris

pas melihat terdapat 59 transaksi pindahan wang ke enam akaun bank berbeza dari Februari hingga April tanpa pengetahuannya dengan jumlah keseluruhan RM764,511.17," katanya.

Katanya, mangsa tampil membuat laporan polis pada Isnin lalu dan kes disiasat mengikut Seksyen 420 Kanun Keseksaan.

HARIAN METRO
17 APR 2025
Tarikh:

Tabung Selangor Prihatin kumpul RM4.74 juta

Shah Alam: Kerajaan Selangor mengumpul dana RM4.74 juta bagi membantu mangsa insiden letupan paip gas di Putra Heights, Subang Jaya, menerusi Tabung Selangor Prihatin dilancarkan 4 April lalu.

Menteri Besar, Datuk Seri Amirudin Shari, berkata jumlah terkumpul setakat kelmarin itu hasil sumbangan pelbagai pihak yang prihatin serta usaha pemulihan yang digerakkan kerajaan negeri.

"Bagi pihak kerajaan negeri, saya merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada semua pihak yang telah menyumbang dan memainkan peranan dalam usaha pemulihan ini.

"Semoga segala usaha, kerjasama dan semangat solidariti

yang terjalin ini terus diperku-
kuh demi kesejahteraan rakyat
serta menjamin masa depan le-
bih selamat dan sejahtera untuk
semua," katanya menerusi ca-
tatan di Facebook, semalam.

Tabung Prihatin Selangor di-
wujudkan bagi menyokong pro-
ses pemulihan dan bantuan ke-
pada penduduk terjejas tragedi
berkenaan, termasuk pemberian
bantuan tunai, baik pulih rumah
dan penempatan sementara.

Pada 1 April lalu, negara di-
gemparkan dengan kejadian le-
tupan paip gas di Putra Heights
yang mengakibatkan api men-
julang setinggi 30 meter dengan
suhu mencecah 1,000 darjah
Celsius sehingga menjejaskan
219 rumah di kawasan sekitar.

Dalam hantaran sama, Ami-

rudin memaklumkan, beliau
mempengerusikan sesi Takli-
mat Khas Insiden Letupan Paip
Gas di Putra Heights kepada Ah-
li Dewan Undangan Negeri
(ADUN) dan Ahli Parlimen ke-
rajaan dari Selangor, kelmarin.

Taklimat itu antara lain mem-

beri gambaran berhubung lang-
kah-langkah segera telah dan
akan diambil kerajaan negeri
dalam menangani kesan insiden
serta memastikan kebajikan
mangsa terus menjadi keutama-
an.

Selain itu, penamatan operasi

“Bagi pihak kerajaan negeri, saya
merakamkan setinggi-tinggi
penghargaan kepada semua pihak
yang telah menyumbang dan
memainkan peranan dalam
usaha pemulihan ini”

Amirudin Shari, Menteri Besar Selangor



Pusat Pemindahan Sementara
(PPS) Putra Heights dan Dewan
Camelia yang ditutup secara ras-
mi Jumaat lalu dengan semua
mangsa dibenarkan pulang ke
kediaman masing-masing seki-
ranya disahkan selamat.

"Mereka yang masih memer-
lukan penempatan pula telah di-
tempatkan di kediaman sewaan
yang disediakan kerajaan nege-
ri, termasuk melalui platform
Airbnb," kata Amirudin.

Kelmarin, Speaker Dewan Un-
dangan Negeri (DUN) Selangor,
Lau Weng San dilaporkan ber-
kata insiden di Putra Heights
serta aspek keselamatan zon pe-
namparan antara perkara yang di-
jangka dibahaskan pada persi-
dangan DUN Julai nanti.

BERNAMA

BERITA HARIAN
Tarikh..... 17 APR 2025

Bina pintu kunci air atasi bah di Selangor

Shah Alam: Pintu kunci air akan dibina di beberapa lokasi yang sering dinaiki air sebagai langkah segera mengatasi masalah banjir di Selangor.

EXCO Infrastruktur dan Pertanian Selangor, Datuk Ir Izham Hashim, berkata antara lokasi yang dikenal pasti memerlukan pintu kunci air adalah Kampung Baru Hicom, Shah Alam; Padang Jawa, Klang serta Kampung Tengah dan Kampung Seri Aman di Puchong.

Beliau berkata, Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) sudah diminta untuk meneliti beberapa lagi kawasan lain, sekali gus mengelakkan banjir berulang.

"Kita dapati ada pihak berkuasa tempatan (PBT) tiada pintu kunci air, hanya JPS yang ada (pintu kunci air)."

"JPS (akan) pam air keluar dan satu lagi (PBT) menolak air. Maka, kerja mengepam air jadi sia-sia."

"Justeru, langkah segera kita bina pintu kunci air. Kita akan mohon peruntukan negeri supaya kerja ini dapat dijalankan secepat mungkin," katanya, semalam.

90 projek tebatan banjir

Izham berkata, ketika ini lebih 90 projek tebatan banjir membabitkan peruntukan hampir RM4 bilion sedang dijalankan dan memerlukan masa beberapa tahun bagi memastikan ia berfungsi dengan baik.



Padang Jawa, Shah Alam antara lokasi berisiko dilanda banjir di Selangor.

(Foto hiasan)

"Tempoh diperlukan seawal proses pembinaan seperti reka bentuk, selain beberapa aspek

lain, namun memberi jaminan masalah tidak lagi berlaku sekiranya projek siap.

Kita akan mohon peruntukan negeri supaya kerja ini dapat dijalankan secepat mungkin

Izham Hashim,
EXCO Infrastruktur dan Pertanian Selangor



"Seperti di Taman Mutiara, Klang, kita terima aduan dan kolam takungan (di kawasan itu) hampir siap dan sudah berfungsi," katanya.

Hujan lebat berterusan pada awal pagi Jumaat lalu menyebabkan lebih 1,000 penduduk sekitar Petaling dan Klang terjejas banjir dengan lebih 200 keluarga dilaporkan berpindah ke enam pusat pemindahan sementara (PPS).

Antara lokasi dinaiki air ialah Taman Sri Muda, Padang Jawa dan Meru, Klang.

'Bantuan kediaman sementara ringan beban kami sekeluarga'

Mangsa insiden terima kunci sewa unit Rumah Selangorku selama 6 bulan

Oleh Tuty Haryanti Ahmad Rodzi
bhnews@bh.com.my

Sepang: "Alhamdulillah kami dapat tinggal di rumah lebih selamat sekarang," kata Muhamad Ridzuwan Salehuddin, 33.

Pemandu teksi itu, antara yang terjejas insiden letupan paip gas di Putra Heights, sebelum ini tinggal di rumah bapa mentua di Kampung Tengah, bersama isteri, Farihatul Shazwin Azrim, 26.

Bagaimanapun, katanya, polis memaklumkan rumah itu tidak selamat didiami kerana banyak kerosakan termasuk pada pintu dan bumbung.

"Apabila kerajaan negeri tawarkan Rumah Selangorku sebagai rumah sementara, kami terus buat permohonan untuk mendapatkan Pangsapuri Seri Suria di Kota Warisan.

"Bantuan selama enam bulan

ini sudah pasti akan meringankan beban kami sekeluarga," katanya selepas Majlis Penyerahan Kunci Rumah Pangsapuri Seri Suria, di sini, semalam oleh EXCO Perumahan dan Kebudayaan Selangor, Datuk Borhan Aman Shah.

Muhamad Ridzuwan berkata, dia turut berhasrat menyambung sewa di rumah berkenaan kerana sebelum ini memang sudah mempunyai impian memiliki unit Rumah Selangorku.

"Saya berharap permohonan untuk menyewa selepas ini juga dapat diluluskan dengan lebih mudah," katanya yang menganggarkan kerugian RM20,000 dalam tragedi pada 1 April lalu.

Rumah rosak teruk

Kontraktor, Abu Samah Rahmat, 58, pula berkata rumahnya di Kampung Tengah yang didiami sejak 1970-an rosak teruk dan tidak selamat diduduki ketika ini.

Katanya, sementara menunggu kediaman itu siap dibaiki yang tidak diketahui bila, dia bersetuju menerima tawaran Rumah Selangorku.

"Saya akan tinggal di Pangsapuri Seri Suria bersama tiga anak dan lokasi ini juga strategik untuk kami sekeluarga ke tempat kerja. Rumah ini juga selesai bagi kami anak-beranak kerana selain berkeluasan 1,000



Borhan (kiri) berbual bersama Abu Samah (kanan) selepas menyampaikan replika kunci rumah pada Majlis Penyerahan Kunci Rumah Pangsapuri Seri Suria di Kota Warisan, Sepang, semalam. (Foto Mohd Fadli Hamzah/BH)

kaki persegi, ada tiga bilik dan dua bilik air," katanya.

Abu Samah berharap rumahnya yang rosak teruk dengan anggaran kerugian RM30,000 dapat siap dibaiki dalam tempoh enam bulan.

"Kalau boleh memang hendak duduk semula di kediaman sendiri dan berharap ia dapat disiapkan dalam tempoh berkenaan," katanya.

Sementara itu, Borhan berkata, seramai 75 mangsa insiden itu

membuat permohonan Rumah Selangorku dengan empat mangsa bersetuju tinggal di Pangsapuri Seri Suria, manakala baki masih dalam proses meneliti tawaran itu.

"Bagi yang rumah rosak teruk dan perlu tempoh lama untuk dibaiki, saya sarankan ambil peluang tawaran Rumah Selangorku untuk lebih selesa," katanya.

Beliau turut mengalu-alukan mana-mana pihak yang berhas-

rat menawarkan bantuan menyewakan kediaman kepada mangsa Putra Heights tampil bekerjasama dengan kerajaan negeri.

Isnin lalu, kerajaan negeri menerusi Lembaga Perumahan dan Hartanah Selangor menawarkan 100 unit kediaman Rumah Selangorku di Pangsapuri Seri Suria, kediaman baharu dan lengkap dengan kipas dan lampu, berdasarkan konsep 'siapa cepat dia dapat'.



Muhamad Ridzuwan

BERITA HARIAN
Tarikh.....17. APR 2025.....



Anwar dan Jinping menandatangani mesyuarat dua hala di Kompleks Seri Perdana, Putrajaya, semalam.
(Foto BERNAMA)

Malaysia, China komited perkasa kerjasama pelbagai bidang

Jinping berazam memajukan komuniti China-Malaysia demi kemakmuran serantau

Oleh Zanariah Abd Mutalib
zanariah_mutalib@bh.com.my

Putrajaya: Malaysia dan China komited untuk bekerjasama dalam pelbagai bidang, termasuk ekonomi, perdagangan dan pelaburan, selain teknologi baharu seperti inisiatif kecerdasan buatan (AI), kata Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Perdana Menteri berkata, pada

masa sama, kerjasama akan turut membabitkan semua kaedah yang dibincangkan kedua-dua negara sejak sekian lama.

"Malaysia mengalu-alukan kedatangan Presiden China, Xi Jinping ke negara ini, bukan sahaja sebagai Presiden kepada sebuah negara besar, tetapi juga sebagai sahabat yang sejati.

"Seperti yang saya nyatakan ketika pertemuan kita di China, Presiden Xi menunjukkan satu persona baharu, kepimpinan, bercakap mengenai pertumbuhan dan pelaburan serta kemajuan ekonomi.

"Beliau bercakap mengenai membasmi kemiskinan dan membuktikan kejayaannya dan lebih penting, mengenai kemakmuran dan tamadun yang dikongsi bersama, yang hampir tidak dizahirkan oleh mana-mana pemimpin moden di dunia

ini," katanya.

Beliau berkata demikian ketika menyampaikan ucapan pembukaan pada Mesyuarat Dua Hala antara Malaysia dan China di Kompleks Seri Perdana di sini, semalam.

Mesyuarat dihadiri Jinping dan menteri Kabinet serta pegawai kedua-dua negara.

Antara yang hadir, termasuk Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi dan Datuk Seri Fadillah Yusof serta Menteri Luar, Datuk Seri Mohamad Hasan.

Selepas mesyuarat berkenaan, kedua-dua pemimpin menandatangani majlis menandatangani perjanjian persefahaman (MoU) dan kerjasama dalam pelbagai bidang.

Perdana Menteri juga menganjurkan majlis makan malam rasmi di Kompleks Seri Perdana

bagi meraikan Jinping.

Jinping tiba di Malaysia petang kelmarin untuk mengadakan lawatan negara selama tiga hari atas jemputan Yang di-Pertuan Agong, Sultan Ibrahim.

Komited kukuh kerjasama

Sementara itu, dalam ucapan pembukaannya, Jinping turut menyatakan komitmennya yang kukuh untuk memperdalam lagi kerjasama dengan Malaysia dan berharap hubungan antara kedua-dua negara berkembang sehingga ke generasi akan datang.

"Saya sedia bekerja keras bersama anda (Perdana Menteri) untuk memajukan lagi masyarakat China-Malaysia dengan masa depan yang dikongsi bersama dalam hala tuju strategik peringkat tinggi, yang membawa lebih banyak manfaat kepada

rakyat kita dan menyumbang kepada kemakmuran serantau.

"Biarlah persahabatan antara China dan Malaysia berkembang untuk generasi akan datang.

"Ini adalah keputungan saya ke Malaysia selepas 12 tahun. Malaysia sudah mencapai satu kejayaan baharu dalam pembangunan negara.

"Saya mengucapkan tahniah atas kejayaan advokasi anda mengenai Malaysia MADANI yang sedang direalisasikan dengan baik," katanya.

Jinping berkata, persahabatan tradisional antara China dan Malaysia menjangkau 'ribuan batu' dan persahabatan yang terjalin sejak sekian lama dipupuk melalui sejarah, pertukaran budaya, diperkukuh melalui manfaat bersama dan ditingkatkan melalui perpaduan dalam kesukaran.



ANWAR (kanan) mengadakan pertemuan dua hala dengan Xi Jinping di Kompleks Seri Perdana, semalam.

MALAYSIA-CHINA

Hubungan istimewa terus diperkukuh

Oleh Mahani Ishak
am@hmetro.com.my

Kuala Lumpur

Datuk Seri Anwar Ibrahim menyifatkan hubungan istimewa antara Malaysia dan China akan terus diperkukuh demi manfaat rakyat dan negara.

Perdana Menteri berkata, hubungan istimewa yang terjalin sejak sekian lama juga akan terus diperkukuh berikutan kedua-duanya adalah negara sahabat.

"Pagi tadi (semalam) saya mengiringi Yang di-Pertuan Agong, Sultan Ibrahim dalam Istiadat Sambutan Negara ke atas tamu kenegaraan Presi-

den China Xi Jinping di Istana Negara.

"Saya kemudiannya menyertai Seri Paduka Baginda dalam pertemuan bersama Presiden Xi serta delegasi China yang diraikan baginda Tuanku dalam Majlis Jamuan Negara.

"Lantas hubungan istimewa kedua-dua negara sahabat ini akan terus diperkukuh demi manfaat rakyat dan negara," katanya dalam hantaran Facebook, semalam.

Terdahulu, Presiden China itu diberi sambutan negara di Istana Negara sempena Lawatan Negara selama tiga hari bermula kelmarin atas jemputan Sultan Ibrahim.

Lawatan kali ini menandakan kunjungan rasmi kedua Jinping ke Malaysia dalam tempoh 12 tahun, selepas kunjungan terakhir pada 2013 yang menyaksikan kedua-dua negara meningkatkan hubungan diplomatik kepada Perkongsian Strategik Komprehensif.

Lawatan Jinping adalah sebahagian daripada siri Lawatan Negara pertama Presiden China itu pada tahun ini yang turut merangkumi Vietnam dan Kemboja.

Malaysia dan China menjalinkan hubungan diplomatik pada 31 Mei 1974. Kedua-dua negara meraikan ulang tahun ke-50 hubungan diplomatik tahun lalu.

BERITA HARIAN
17 APR 2025
Tarikh.....

31 perjanjian persefahaman, kerjasama dimeterai

Putrajaya: Malaysia dan China semalam menandatangani 31 perjanjian persefahaman (MoU) dan kerjasama, merangkumi pelbagai bidang strategik berkepentingan bersama.

Majlis menandatangani perjanjian itu disaksikan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim dan Presiden China, Xi Jinping, di Kompleks Seri Perdana di sini, sempena lawatan Jinping ke Malaysia selama tiga hari bermula kelmarin.

Antara bidang kerjasama yang diberikan tumpuan, termasuk keselamatan, pembangunan, perdagangan, pengangkutan, pertanian, pendidikan serta

teknologi digital.

Di bawah bidang keselamatan, MoU yang ditandatangani membabitkan kerjasama di bawah inisiatif keselamatan global, inisiatif pembangunan global dan inisiatif peradaban global, yang ditandatangani Menteri Luar, Datuk Seri Mohamad Hasan dan rakan sejawatnya dari China, Wang Yi.

Yang turut dimeterai adalah pertukaran nota mengenai penubuhan Dialog Bersama Luar dan Pertahanan antara kedua-dua negara.

Selain itu, perjanjian pengecualian visa bersama bagi memegang pasport urusan rasmi

dan biasa, yang ditandatangani Menteri Dalam Negeri, Datuk Seri Saifuddin Nasution Ismail dan Wang Yi.

Sebanyak tiga MoU dimeterai dalam bidang perdagangan, membabitkan perdagangan perkhidmatan, penyeragaman kerjasama dan menambah baik 'Dua Negara, Dua Taman' Malaysia-China, yang ditandatangani Menteri Pelaburan, Perdagangan dan Industri, Tengku Datuk Seri Zafrul Tengku Abdul Aziz dan Menteri Perdagangan China, Wang Wentao.

Kedua-dua negara juga menandatangani perjanjian memperkukuh kerjasama dalam

sektor rel, yang ditandatangani Menteri Pengangkutan, Anthony Loke Siew Fook dan Duta China ke Malaysia, Ouyang Yujing.

Dalam bidang digital, dua MoU antara Kementerian Digital serta Suruhanjaya Pembangunan dan Pembaharuan Negara (NDRC) China ditandatangani, membabitkan kerjasama dalam bidang kecerdasan buatan (AI) dan ekonomi digital, yang ditandatangani Menteri Digital, Gobind Singh Deo dan Pengerusi NDRC, Zheng Shanjie.

Turut dimeterai adalah MoU dalam bidang pendidikan, membabitkan penterjemahan dan

penerbitan karya klasik, yang ditandatangani Menteri Pendidikan, Fadhlina Sidek dan Presiden dan Ketua Pengarang China Media Group (CMG), Shen Hai Xiong.

MoU lain membabitkan kerjasama di bawah Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan; Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi; Kementerian Pendidikan Tinggi; Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya serta Kementerian Sumber Asli dan Kelestarian Alam.

Selain itu, MoU turut membabitkan kerjasama antara agensi media dan universiti.

BERITA HARIAN
17 APR 2025
Tarikh.....

Utusan Malaysia

PEMIKIRAN BAHARU



Sambutan negara

YANG di-Pertuan Agong, Sultan Ibrahim mengiringi Xi Jinping untuk diberikan sambutan rasmi negara sempena lawatan Presiden China itu ke Malaysia sambil diiringi Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim di Istana Negara, semalam. - PEJABAT PERDANA MENTERI

Malaysia-China senada dalam hadapi tekanan unilateral termasuk tarif

Komited lindungi kestabilan serantau

Oleh **MAISARAH SHEIKH RAHIM**

utusannews@mediamula.com.my

17/4

PETALING JAYA: Malaysia dan China komited untuk menentang sebarang tindakan unilateral dan perlindungan yang boleh menjejaskan kestabilan rantau dan global.

Ketika berucap pada majlis makan malam, kedua-dua pemimpin, Presiden Xi Jinping dan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim senada dalam menghadapi tekanan unilateral dan dasar

perlindungan di bawah order baharu melalui kesatuan dalam hubungan rakan serantau.

Untuk itu, Xi menegaskan komitmen negaranya untuk terus memperkukuh hubungan strategik dengan Malaysia dalam usaha menentang cabaran geopolitik global, termasuk ancaman unilateralisme dan dasar perlindungan ekonomi (proteksionisme) yang kian meningkat.

"Pada tahun 2023, Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim dan saya telah

mengumumkan komitmen membina komuniti China-Malaysia yang berkongsi masa depan. Kini, lembaran baharu hubungan dua hala telah pun bermula," ujar beliau.

Xi menekankan bahawa dalam menghadapi kejutan globalisasi ekonomi serta ketidakpastian geopolitik, China dan Malaysia akan terus berdiri bersama, bukan sahaja demi kestabilan rantau Asia, malah untuk kepentingan global.

Bersambung di muka 2

TEMPOH PROMOSI:
1 - 30 APR 2025

KKK
BUKA 24 JAM

PROMOSI KAW!

RM
1=10
UNIT

100% SHAMPOO 300ML

PROMOSI KAW!

RM
2=10
UNIT

100% HAND WASH ANTI BACTERIAL BLUE / GREEN 500ML

UTUSAN MALAYSIA
Tarikh: 17 APR 2025



ANWAR Ibrahim (dua dari kanan) bersama Xi Jinping (dua dari kiri) ketika mengadakan mesyuarat dua hala di Kompleks Seri Perdana, Putrajaya, semalam. - PEJABAT PERDANA MENTERI

Komited lindungi kestabilan serantau

um 17/4

Dari muka 1

"China dan Malaysia akan berdiri seiring bersama negara-negara serantau dalam menentang geopolitik berasaskan pemusatan kuasa, serta dasar unilateralisme dan proteksionisme yang semakin menekan ekonomi global," katanya.

Xi berkata, China dan Malaysia bukan sahaja berkongsi sejarah yang panjang, tetapi kini bersedia melangkah ke fasa baharu dalam membentuk komuniti China-Malaysia yang berkongsi masa depan bersamanya.

Menurut beliau, kerjasama erat antara China dan Malaysia bukan sahaja memberi manfaat kepada kedua-dua negara tetapi juga rakyatnya.

"China menantikan kerjasama yang lebih erat dengan Malaysia bagi membina hubungan strategik yang lebih tinggi dan menerima era 50 Tahun Emas dalam hubungan dua hala," jelasnya.

Xi dalam rangka lawatan tiga hari ke Malaysia, selepas Vietnam dan ke Myanmar Khamis ini bagi mengukuhkan hubungan ekonomi dengan rantau ini dalam suasana perang tarif Presiden AS, Donald Trump semakin memuncak.

Sementara itu, Anwar dalam

ucapannya berkata, Malaysia menghargai sikap rasional dan konsistensi China dalam menjalin hubungan dengan terutama dalam menghadapi situasi yang sukar oleh tekanan unilateral pihak tertentu sekarang.

Katanya, di tengah-tengah pergolakan ini, China telah bersikap rasional, tegas dan menjadi rakan kongsi yang boleh dipercayai.

"Malaysia menghargai konsistensi ini. Malaysia akan kekal sebagai rakan yang tidak goyah dan berprinsip kepada China - berpandukan kebijaksanaan sejarah dan janji masa depan.

"Dasar luar negara kita dibentuk oleh visi yang jelas kepentingan dan kepulauan ASEAN," katanya.

Menurut Perdana Menteri, ketika sesetengah negara bertindak secara sendiri meninggalkan prinsip perkongsian, tanggungjawab dan komitmen, inisiatif global China menawarkan peluang dan harapan baharu.

"Mereka (China) melihat ke luar, bukan ke dalam. Mereka tidak bercakap tentang persaingan, tetapi pembaharuan.

"Ketika sesetengah pihak bertindak tanpa berasaskan peraturan, tidak mempedulikan dialog, tarif dikenakan tanpa sekatan, dan bahasa

kerjasama ditenggelamkan di bawah bunyi ancaman dan paksaan.

"Apa yang kita saksikan hari ini bukanlah perhitungan yang jujur ketidaksempurnaan globalisasi, tetapi berundur ke dalam ekonomi kesukuan.

"Apa yang pernah dikatakan perjanjian pelbagai hala untuk pertumbuhan yang dikongsi kini menjadi lemah akibat gangguan sewenang-wenangnya atas kehendak unilateral," katanya.

Terdahulu, Yang di-Pertuan Agong, Sultan Ibrahim bertitah Malaysia dan China akan terus memperkasakan kerjasama kedua-dua negara walaupun wujud pelbagai jurang geopolitik global.

"Beta percaya terdapat potensi besar untuk syarikat dan pelabur China untuk meneroka peluang di sini kerana ia selari dengan kepentingan keterhubungan serantau dan pembangunan berkualiti tinggi di bawah Inisiatif Belt and Road oleh China," titah baginda.

"Dengan insentif strategik yang kukuh serta lokasi yang baik, Hab Kewangan Khas Forest City di dalam Zon Ekonomi Khas Johor-Singapura (JS-SEZ) telah muncul sebagai antara lokasi pelaburan utama rantau ini," titah Sultan Ibrahim.

UTUSAN MALAYSIA
Tarikh: 17 APR 2025

Kerajaan Selangor nafi penempatan sementara mangsa 'terpencil'

Oleh MOHD. HUSNI UM
MOHD. NOOR 174
utusannews@mediamula.com.my

SEPANG: Kerajaan Negeri Selangor menafikan dakwaan kononnya lokasi rumah sewa sementara bagi mangsa insiden letupan gas Putra Heights di Pangsapuri Seri Suria, Kota Warisan di sini terletak di kawasan yang terpencil.

Exco Perumahan dan Kebudayaan Negeri Selangor, Datuk Borhan Aman Shah berkata, buat masa ini, lokasi ini paling sesuai kerana ia mempunyai unit kosong untuk disewa.

Beliau berkata, pihaknya mempunyai beberapa unit kediaman lain berdekatan lokasi insiden namun, semuanya telah disewa kecuali di Pangsapuri Seri Suria ini.

"Sebenarnya kita melihat di mana ada kekosongan (unit kosong).

Kami di Selangor ada beberapa tempat lain tetapi ia telah

dipenuhi dengan penyewa.

"Tapi yang ada betul-betul kosong adalah di sini (Pangsapuri Seri Suria) dan hanya disini. Lagipun, dari Putra Heights ke sini lebih kurang 30 kilometer," katanya.

Beliau berkata demikian selepas Majlis Penyerahan Kunci Penempatan Sementara kepada mangsa Insiden Letupan Paip Gas Putra Heights di Pangsapuri Seri Suria, Kota Warisan Sepang di sini, hari ini.

Katanya, pihaknya juga melihat ada mangsa-mangsa yang dahulunya berulang alik dari rumah mereka ke kawasan ini untuk bekerja sekali gus memudahkan mereka.

Borhan berkata, lebih menarik, rumah disediakan ini adalah unit rumah pangsa yang baharu serta lengkap fasiliti yang selesa.

Jelasnya lagi, mangsa yang memohon unit ini menerusi Skim Smart Sewa boleh mula menduduki tanpa sebarang deposit.

"Seperti yang kita janjikan, rumah ini kita tawarkan dengan sewa RM850 sebulan termasuk caj perkhidmatan. Harga pasaran sebenarnya RM1,200 dengan pelbagai kemudahan, dua lot parkir selain lampu, kipas, elektrik dan air disediakan.

"Dengan bantuan sewaan RM2,000 selama enam bulan dari kerajaan negeri maka, mereka ada lebih lagi bantuan untuk menampung kos lain," katanya.

Setakat ini, 75 mangsa telah berdaftar untuk memohon rumah ini dan menjangkakan separuh daripadanya memilih tawaran ini.

Penyewa juga boleh memohon untuk meneruskan sewaan selepas tempoh enam bulan berdasarkan kelayakan.

Sebelum ini, Menteri Besar Selangor, Datuk Seri Amirudin Shari menawarkan 100 unit rumah Smart Sewa di Sepang yang sebahagiannya dibiayai Kerajaan Selangor.



BORHAN Aman Shah (kiri) menyerahkan kunci rumah kepada mangsa insiden letupan paip gas Putra Heights, Abu Samah Rahmat di Pangsapuri Seri Suria, Kota Warisan Sepang, semalam. - UTUSAN/FAISOL MUSTAFA

UTUSAN MALAYSIA
17 APR 2025

Tarikh:



KEDUDUKAN papan tanda yang kecil dan tersembunyi di celah-celah pokok menyukarkan ia dilihat oleh orang ramai.

Bimbang salur paip gas terlalu hampir dengan bangunan

Oleh **NURUL NATASHA SURIN**
utusannews@mediamula.com.my

KUALA LUMPUR: Warga kota bimbang dengan pembangunan pesat di ibu kota yang terlalu hampir dengan saluran paip gas bawah tanah.

Rata-rata warga kota ditemui, mahu pihak berwajib mengambil langkah keselamatan menyeluruh melindungi keselamatan saluran paip gas itu khususnya di sekitar Kampung Bharu, bagi mengelak tragedi letupan paip gas di Putra Heights berulang.

Pengerusi Pangsapuri Kampung Bharu, Mohd. Haniff Bahari, 35, berkata, kewujudan saluran paip itu hanya disedari selepas berlaku insiden letupan di Putra Heights, baru-baru ini.

"Selepas kejadian itu, saya jadi lebih cakna dengan papan tanda di kawasan bandar, termasuk sekitar Universiti Kuala Lumpur (UniKL). Namun, pa-

pan tanda yang ada terlalu kecil dan tersembunyi di celah-celah pokok. Sukar untuk orang nampak dan baca," katanya.

Beliau turut mendakwa majoriti penduduk di Kampung Bharu tidak mengetahui kewujudan saluran paip tersebut dan pihak berkuasa digesa proaktif memberi kesedaran kepada masyarakat.

"Pihak berwajib kena ambil iktibar daripada kejadian di Putra Heights. Jangan tunggu sampai tragedi berlaku, baru bertindak. Gunakan media sosial atau saluran rasmi untuk beri maklumat kepada orang ramai," katanya.

Tegasnya belum ada mana-mana pihak datang memberi taklimat keselamatan atau memaklumkan tentang lokasi saluran paip gas di situ.

Sementara itu, Penyalia Pangsapuri Kampung Bharu, Mokhtar Ibrahim, 67, berkata, papan tanda sahaja tidak cukup

untuk menjamin keselamatan saluran paip gas yang ada di sekitar kawasan itu.

"Papan tanda tidak menunjukkan arah saluran paip. Kalau ada projek korek tanah, tidak mustahil insiden di Putra Heights akan berulang.

"Sebagai penduduk tetap di Kampung Bharu, saya sangat bimbang dengan situasi terkini di sini yang tidak boleh dijamin selamat sepenuhnya," katanya.

Penuntut Universiti Kuala Lumpur (UniKL), Nik Muhammad Aiman Hakimi Marzuki, 22, mengakui tidak menyedari kewujudan papan tanda amaran gas di kawasan universiti itu.

"Saya baru tahu tentang papan tanda itu semasa ditemubual dan memang risau kalau jadi apa-apa. Kawasan bandar ini sangat berisiko, kalau berlaku letupan, nyawa ribuan orang mungkin terancam.

"Saya risau nasib saya dan

kawan-kawan selepas ini jika tragedi letupan gas berulang," katanya.

Pesara swasta, Stephen Lye, 58, berkata pihak berkuasa dan syarikat terlibat seperti Petronas perlu mengambil langkah proaktif dalam menjamin keselamatan awam membabitkan saluran paip gas.

"Sepatutnya ada pelindung atau pagar yang kukuh, dan lokasi saluran gas dikaji semula supaya tidak terlalu dekat dengan kawasan awam," katanya.

Ujarnya, kejadian lubang benam yang berlaku di Masjid India dan letupan paip gas di Putra Heights baru-baru ini turut mendatangkan kebimbangan kepada penduduk di sekitar Kampung Bharu.

"Walaupun atas jalan nampak dalam keadaan yang baik, tetapi fizikal (paip gas) bawah jalan tersebut tiada siapa yang tahu, selain pihak berkenaan," katanya.

Bina pintu kunci air atasi banjir di Selangor

UM 17/4

SHAH ALAM: Pintu kunci air akan dibina di lokasi yang kerap dinaiki air sebagai langkah segera mengatasi masalah banjir di Selangor.

Antara lokasi dikenal pasti antara di Kampung Baru Hicom, Padang Jawa, Klang serta Kampung Tengah dan Kampung Seri Aman di Puchong.

Exco Infrastruktur dan Pertanian negeri, Datuk Izham Hashim berkata, pihaknya sudah meminta Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) meneliti be-

berapa lagi kawasan lain sekali gus mengelak banjir berulang.

"Kami mendapati wujud kawasan pihak berkuasa tempatan (PBT) yang tiada pintu kunci air dan kerja pengepaman menjadi sia-sia.

"Kami mahu membina infrastruktur itu dan akan mohon peruntukan negeri supaya dapat dijalankan secepat mungkin," katanya kepada *Utusan Malaysia*.

Katanya, lebih 90 projek tebatan banjir bernilai hampir

RM4 bilion sedang dijalankan dan memerlukan beberapa tahun untuk berfungsi dengan baik.

"Tempoh masa diperlukan seawal proses pembinaan seperti reka bentuk dan beberapa aspek lain namun dijamin tiada masalah jika projek siap.

"Sebagai contoh, projek kolam di Taman Mutiara Klang sudah berfungsi namun kita tidak terima aduan. Maka, kita memerlukan masa dan ada yang siap dua atau tiga tahun lagi," ujarnya.

Tambah Izham, pihaknya sentiasa memantau kerja dijalankan kontraktor dan mengambil tindakan bersesuaian termasuk penamatan kontrak.

Sebelum ini lebih 1,000 mangsa terjejas akibat banjir di sekitar daerah Petaling dan Klang dengan lebih 200 keluarga dilaporkan berpindah ke enam buah pusat pemindahan sementara (PPS), Jumaat lalu.

Lokasi terjejas melibatkan kawasan Taman Sri Muda, Padang Jawa dan Meru, Klang.

UTUSAN MALAYSIA
17 APR 2025

Tarikh:



ABU SUFIAN
ABUBAKAR

Malaysia-China berkongsi sejarah, masa hadapan

UM
17-18

